

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2000/2001

Februari/Mac 2001

BMT 301/3 - Mikrobiologi patogen

Masa : [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LIMA daripada ENAM soalan yang diberikan, dalam Bahasa Malaysia.

Tiap-tiap soalan bernilai 20 markah.

1. (a) Dengan contoh atau rajah yang sesuai, huraikan erti dan perbezaan yang terdapat di dalam setiap pasangan berikut:

(i) Prevalens dan insidens

(ii) Kadar kemorbidity dan kadar kemortalan

(iii) Kajian epidemiologi analisis dan kajian epidemiologi deskriptif

(iv) Epidemiologi sumber umum dan epidemiologi terpropagasi

(10 markah)

(b) Bagaimanakah perubahan di dalam keimunan berkumpulan menyumbang kepada rebakan sesuatu penyakit berkitar?

(10 markah)

2. Secara ringkas dan dengan rajah yang sesuai, huraikan bagaimana HIV yang menyebabkan AIDS menyerang dan melemahkan sistem imun? Bagaimanakah pesakit AIDS dirawat dan apakah masalah yang berkaitan dengan penghasilan vaksin menentang AIDS?

(20 markah)

3. Namakan dua spesies bakteria (berlainan genus) yang dapat menyebabkan penyakit sistem respirasi bawah. Bagaimanakah patogen tersebut menyebabkan penyakit? Huraikan langkah diagnosis, rawatan dan pengawalan yang dapat dilakukan.

(20 markah)

[BMT 301/3]

4. Huraikan penyakit keracunan makanan jenis intoksikasi yang disebabkan oleh tiga spesies bakteria (berlainan genus) sebagai contoh. Huraikan cara mendiagnosis dan mengawal keracunan tersebut.

(20 markah)

5. Pilih satu spesies bakteria mikroaerofili dan satu spesies lagi daripada famili Vibrionaceae dan huraikan bagaimana bakteria tersebut menyebabkan penyakit pada sistem gastrousus manusia. Bagaimanakah diagnosis dan pengawalan penyakit tersebut dijalankan?

(20 markah)

6. Bincangkan kepelbagaian mekanisme tindakan drug antimikrob? Bagaimanakah rintangan terhadap drug tersebut terjadi?

(20 markah)

- ooo O ooo-